

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM ANYAMAN KASIH JAKOA –
KUMPULAN UTUSAN DAN
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2016**

**TAMAN DESA KEMANDOL,
KUALA LANGAT, SELANGOR**

26 JULAI 2016 (21 SYAWAL 1437H), SELASA

WAKTU KETIBAAN : 11.00 PAGI

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum wbt

Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama bertemu di dalam majlis yang indah ini.

2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Ketua Pengarah JAKOA yang baharu, YBrs. En. Mohd Jamalludin Kasbi atas kesudian beliau menjemput saya untuk turut bersama-sama hadir ke majlis ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad khususnya kepada Pengarah Urusan Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd, Datuk Noordin Abas kerana sudi untuk mengadakan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan menjayakan “Program Anyaman Kasih JAKOA – Kumpulan Utusan” ini. Di kesempatan ini, saya mengalu-alukan pihak Kumpulan Utusan untuk turut mengadakan program kerjasama seperti ini dengan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pada masa hadapan.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh masyarakat Orang Asli di Taman Desa Kemandol, Kuala Langat ini yang telah sama-sama hadir bagi memeriahkan program kita pada hari ini.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Saya difahamkan bahawa Taman Desa Kemandol merupakan sebuah penempatan hasil dari pengambilan tanah untuk Projek Tembatan Banjir antara Sg. Klang dan Sg. Langat oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) pada tahun 2005. Sebelum ini, ia dikenali sebagai Kampung Orang Asli Bukit Kemandol. Hasil dari pengambilan tanah tersebut, penduduk telah dipindahkan ke penempatan baru seluas 86.79 ekar dan setiap penduduk telah diberi imbuhan hasil dari pengambilan tanah tersebut. Kawasan ini juga telah diwartakan di bawah Subseksyen 6(1), Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 3 Mac 2016.

5. Pelbagai kemudahan telah dinikmati oleh penduduk di sini melalui pembinaan banglo sebanyak 159 unit, 34 unit rumah teres, 4 unit rumah kedai, sekolah rendah, kompleks komuniti, pusat kemahiran serta taman permainan telah menjadikan Taman Desa Kemandol ini sebagai salah satu daripada penempatan moden untuk masyarakat Orang Asli di negara ini. Ini jelas membuktikan komitmen kerajaan dalam memajukan masyarakat Orang Asli.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. **Hari ini merupakan hari yang bersejarah bagi masyarakat Orang Asli apabila satu jalinan kerjasama di antara JAKOA dan Kumpulan Utusan melalui "Program Anyaman Kasih JAKOA– Kumpulan Utusan" telah diadakan.** Beberapa aktiviti telah dirancang dalam program ini yang akan memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti berbentuk kerohanian, pendidikan dan kesihatan. Program ini juga merupakan satu usahasama yang dirancang untuk jangka masa panjang melalui beberapa siri jelajah yang akan diadakan pada masa akan datang.

7. **Program ini dimulakan dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan pada hari ini untuk meraikan lebih kurang 1,000 masyarakat Orang Asli di Taman Desa Kemandol serta turut dihadiri oleh masyarakat Orang Asli dari kawasan sekitar.** Pelbagai aktiviti diadakan seperti penyampaian duit raya kepada kanak-kanak dan penyampaian bantuan bakul makanan kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Beberapa buah syarikat swasta turut bersama-sama menyertai program yang diadakan pada hari ini seperti Bank Simpanan Nasional (BSN), Nestle, CNI dan PERMANIS yang menyampaikan pelbagai bentuk sumbangan kepada masyarakat Orang Asli di sini.

8. Pada masa akan datang, aktiviti-aktiviti yang telah dirancang akan diadakan di beberapa buah kampung terpilih di seluruh negara. Pihak Kumpulan Utusan akan menyediakan pengisian program dan pihak JAKOA akan membantu menyediakan kemudahan logistik serta kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan untuk menjayakan program tersebut.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Tidak lama lagi kita akan menyambut ulangtahun kemerdekaan negara yang ke 59 pada tanggal 31 Ogos nanti. Saya berasa amat bersyukur kerana masyarakat Orang Asli kini telah berjaya mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang. Semakin ramai anak-anak dari masyarakat Orang Asli berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara. Tidak kurang juga yang telah berjaya menjawat jawatan yang tinggi dalam sektor swasta dan kerajaan serta semakin ramai yang telah menjadi usahawan. Ini membuktikan bahawa usaha kerajaan dalam memajukan masyarakat luar bandar melalui KKLW telah menunjukkan hasil dan saya yakin, ia akan berterusan dan akan menjadi lebih baik di masa-masa yang akan datang.

10. Kementerian melalui JAKOA juga telah menyediakan beberapa program pendidikan kepada masyarakat Orang Asli seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) dan sebagainya hanya dengan tujuan untuk memastikan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli berada di aras yang tinggi dan dihormati. Sebelum ini, masyarakat Orang Asli tidak ramai yang dapat bersaing dengan masyarakat lain dalam bidang akademik namun pada hari ini telah terbukti semakin ramai pelajar-pelajar masyarakat Orang Asli telah melangkah ke pusat-pusat pengajian tinggi malah turut menjadi pesaing yang hebat dengan pelajar-pelajar lain.

11. Ini merupakan satu perkembangan yang sangat positif dan cukup membanggakan bagi kita semua masyarakat yang berada di luar bandar. Kita dapat lihat masa depan yang cukup cerah kepada masyarakat orang Asli dan pasti suatu hari nanti kita dapat bebas dari belenggu kemiskinan jika perkembangan ini berlaku secara berterusan.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Saya juga ingin menyeru kepada seluruh masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor terutama di Taman Desa Kemandol, Kuala Langat ini supaya mementingkan pendidikan dan menuntut perubahan sikap dengan menguasai ilmu. Hanya melalui pendidikan sahaja jalan keluar bagi sesebuah masyarakat untuk hidup berdikari tanpa bergantung kepada mana-mana pihak. Sekiranya ada anak-anak Orang Asli yang berpotensi untuk

maju dalam bidang pelajaran, kerajaan bersedia memberikan biasiswa supaya mereka boleh melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau luar negara.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak JAKOA kerana telah berjaya menganjur Program Anyaman Kasih JAKOA – Kumpulan Utusan Dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016 pada hari ini.

14. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor khususnya yang berada di Taman Desa Kemandol, Kuala Langat ini.

15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Majlis Pelancaran Program Anyaman Kasih JAKOA – Kumpulan Utusan Dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016.